

# DR. M. MUKIM ASAS PERPADUAN NEGARA

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, perpaduan orang Melayu khususnya di peringkat mukim, perlu ditingkatkan lagi kerana ia menjadi asas perpaduan negara.

Menurut Perdana Menteri, perpaduan masyarakat Melayu bukan sahaja dapat membantu Kerajaan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, juga boleh membantu menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Dalam hubungan ini, beliau berkata penghulu dan penggawa boleh bertindak sebagai pendorong melalui penglibatan aktif mereka dalam berbagai kegiatan masyarakat setempat.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan kali ketujuh Kesatuan Penghulu/Penggawa Semenanjung Malaysia di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Kehadiran dan penglibatan penghulu dalam kegiatan masyarakat setempat bukan sahaja memberi peransang malah menjadi faktor pengikat bagi meningkatkan perpaduan masyarakat di peringkat mukim.

"Perpaduan dan keamanan di kalangan masyarakat Melayu di peringkat mukim merupakan asas perpaduan negara keseluruhannya."

Perpaduan yang sedia wujud, jelasnya, hendaklah sentiasa diawasi supaya tidak digugat oleh sebarang fahaman atau

hasrat parti politik yang ingin memecahbelahkan perpaduan.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan penghulu dan penggawa supaya sentiasa berperangai baik dan mengelakkan diri dari terlibat dengan amalan curang seperti rasuah.

"Sebagai orang perantara antara Kerajaan dengan rakyat, penghulu atau penggawa hendaklah memahami sepenuhnya aspirasi masyarakat tempatan dengan mendampingi mereka.

"Perhubungan seperti ini pasti dapat meningkatkan lagi penglibatan rakyat dalam usaha pembangunan yang mana kejayaannya bergantung kepada penglibatan semua pihak," tegasnya.

Perdana Menteri menambah, usaha menggerakkan tenaga

masyarakat setempat khasnya penduduk luar bandar, memang satu perkara rumit.

Bagaimanapun, jelasnya, ini dapat diatasi jika para penghulu dan penggawa sendiri menunjukkan tauladan dengan bekerja kuat di samping memperlihatkan sifat inginkan kejayaan.

"Penghulu hendaklah cuba mempelopori berbagai kegiatan yang mendatangkan faedah kepada masyarakat di samping berperangai baik.

"Penghulu dan penggawa hendaklah juga sentiasa jujur dalam menjadi pembimbing kepada anak-anak buahnya," katanya.

Seramai 621 orang penghulu dan penggawa dari semua negeri di Semenanjung Malaysia menghadiri persidangan.



PERDANA MENTERI, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) tersenyum menerima cenderamata sepasang tengkolok daripada Yang Dipertua Kesatuan Penghulu-Penggawa Semenanjung Malaysia, Haji Zakaria Botok, di Kuala Lumpur, semalam.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia